

Tuan,

**LESEN ABSTRAKSI AIR BUMI DI BAWAH SEKSYEN 7(4) AKTA AIR 1920
[AKTA 418]**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa, Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) yang bersidang pada 12 Mei 2010 telah memutuskan agar semua aktiviti abstraksi air bumi termasuk di tanah persendirian dilesenkan selaras dengan peruntukan seksyen 7(4) Akta Air 1920.
3. Sehubungan dengan itu, Badan Kawal Selia Air (BKSA) selaku agensi pelaksana dengan ini menguatkuasakan keputusan MMK tersebut dan pihak tuan diminta agar membuat **permohonan Lesen Abstraksi Air Bumi bagi setiap telaga tiub (tube well)** melalui borang-borang permohonan sepertimana yang dilampirkan dan mengemukakan bersama ulasan teknikal / sokongan Jabatan Mineral dan Geosains (JMG). Untuk makluman pihak tuan juga, selaras dengan pewartaan Kaedah-Kaedah Caj Air dan Fi Lesen (Negeri Sembilan)2009, caj penggunaan air mentah sebanyak RM 0.03/m³ akan dikenakan bagi kategori domestik dan RM 0.08/m³ akan dikenakan bagi kategori komersil.
4. Kegagalan mengemukakan Lesen Abstraksi Air Bumi adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 7(6) akta yang sama, di mana jika disabit kesalahan, individu / syarikat terbabit boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 300,000.00 atau penjara tidak lebih 3 tahun atau kedua-duanya sekali.
- ... 5. Bersama-sama ini juga disertakan format surat untuk ulasan teknikal / sokongan JMG sepertimana Lampiran B bagi setiap permohonan.
6. Sebarang pertanyaan sila berhubung dengan Cik Siti Sahara di talian 06-7659163 / 9010 atau untuk khidmat nasihat teknikal berkenaan Rekod Telaga, sila berhubung dengan Pn. Asminah / En. Hisham Ahmad daripada Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) di talian 06-762 4664.
7. Kerjasama pihak tuan dalam perkara ini adalah sangat-sangat diharapkan agar permohonan tuan dapat diproses secepat mungkin, dan seterusnya sumber air bumi dapat dikawalselia dengan lebih efektif demi kelangsungan sumber-sumber air di Negeri Sembilan.